

05 MAR 2000

Umno-Pencalonan (Sabah)

EMPAT LAGI BAHAGIAN DI SABAH CALONKAN MAHATHIR, PAK LAH

KOTA KINABALU, 5 Mac (Bernama) -- Empat lagi bahagian Umno di Sabah -- Papar, Penampang, Sipitang dan Bandau -- yang bermesyuarat hari ini telah mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak turut dicalonkan oleh keempat-empat bahagian itu untuk jawatan naib presiden.

Bagi calon naib presiden yang ketiga, bahagian Papar dan Sipitang sama-sama mencalonkan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, manakala Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dicalonkan oleh bahagian Penampang.

Bahagian Bandau pula menamakan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad sebagai calon naib presiden yang ketiga.

Calon MT bahagian PAPAR ialah: Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Wira Ali Rustam, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Tajol Rosli Ghazali, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Dr Ibrahim Saad, Datuk Dr Suleiman Mohamad, Datuk Nazri Aziz, Datuk Shafie Apdal, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Datuk Salleh Tun Said, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Tan Sri Dr Hamid Pawanteh, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Aziz Samsuddin, Datuk Dr Hilmi Yahya, Datuk Lajim Ukin, Tan Sri Kasitah Gaddam, Adam Hamid, Awang Jabar, Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh dan Datuk Azmi Khalid.

Bagi bahagian PENAMPANG, calon MT yang dinamakan ialah: Datuk Osu Sukam, Datuk Shafie Apdal, Datuk Salleh Tun Said, Datuk Lajim Ukin, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Anifah Aman, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib, Datuk Wira Ali Rustam, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Abdul Ghani Othman, Datuk Seri Abu Hassan Omar, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Azmi Khalid, Datuk Nazri Aziz, Datuk Dr Suleiman Mohamad, Datuk Syed Razak Syed Zain, Datuk Dr Yusof Noor, Datuk Aziz Shamsuddin, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman dan Abdul Azim Mohamed Zabidi.

Di SIPITANG senarai calon MT ialah: Datuk Osu Sukam, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Lajim Ukin, Datuk Shafie Apdal, Datuk Salleh Tun Said, Datuk Dr Yusof Jacob, Datuk Railey Jeffrey, Datuk Tajol Rosli Ghazali, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Wira Ali Rustam, Datuk Seri Abu Hassan Omar, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Nazri Aziz, Datuk Azmi Khalid, Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Dr Suleiman Mohamad, Datuk Dr Yusof Noor, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Abdul Aziz Samsuddin, Datuk Seri Shariff Omar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Suhaili Abdul Rahman.

Senarai pencalonan anggota MT bagi kawasan Bandau bagaimanapun tidak dapat diperolehi sehingga petang ini.

-- BERNAMA

JS PR